



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
25 November 2025**

PNB Peroleh Kelulusan Penilaian Zakat Bagi Dana Harga Tetap Melalui Kaedah Zakat *al-Mustaghallat* Secara *Khultah*

Selaras keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan dan fatwa negeri

Kuala Lumpur, 25 November 2025 – Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) bersama beberapa Jawatankuasa Fatwa Negeri baru-baru ini telah memberikan persetujuan bahawa penilaian zakat bagi Dana Harga Tetap yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dibolehkan menggunakan kaedah al-Mustaghallat, iaitu pengiraan zakat ke atas pengagihan pendapatan sahaja.

Pengumuman ini dibuat oleh Dato' Rick Ramli, Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, dalam satu sesi taklimat media yang diadakan untuk memberi penerangan terperinci mengenai kaedah baharu ini dan manfaatnya.

Secara ringkasnya, al-Mustaghallat adalah pengiraan zakat ke atas hasil atau pendapatan daripada aset, bukan ke atas aset itu sendiri. Dalam konteks Dana Harga Tetap ASNB, zakat dikenakan hanya ke atas pengagihan pendapatan, bukan ke atas prinsipal pelaburan. Kaedah ini memastikan bahawa zakat tidak mengurangkan nilai modal pelaburan, selari dengan objektif utama pelaburan, iaitu untuk menjana pendapatan daripada dana yang dilaburkan.

Kelulusan juga diperoleh di mana, pemegang unit Dana Harga Tetap ASNB boleh menerima pengagihan pendapatan bersih selepas zakat melalui pendekatan khultah atau kolektif. Selaras dengan ini, pihak ASNB bercadang untuk memperkenalkan mekanisme yang membolehkan pemegang unit memilih sama ada menerima pengagihan pendapatan penuh atau pendapatan bersih selepas zakat, di mana 2.57% dari dividen bagi Dana Harga Tetap ASNB iaitu ASB, ASB 2, ASB 3 Didik, ASM, ASM 2 Wawasan dan ASM 3 akan ditolak dan disalurkan kepada Pusat Zakat Negeri untuk diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan pihak berkuasa zakat.

Untuk cadangan pendekatan khultah ini, PNB merancang untuk menggunakan kaedah pembayaran zakat yang lebih sistematik dan terpusat, di mana pengiraan dan pemotongan zakat dibuat berdasarkan kaedah al-Mustaghallat yang telah dipersetujui oleh MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Butiran mengenai mekanisme tersebut akan dikongsikan oleh PNB pada masa yang sesuai dan potongan zakat secara kolektif ini hanya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan yang berkaitan daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Berikut ialah contoh pengiraan kadar bersih pengagihan pendapatan dengan kaedah *al-Mustaghallat*:-

Kadar pengagihan pendapatan ASB: *5.75%

Kadar pengagihan pendapatan bersih selepas zakat

$$5.75\% - (**2.57\% \times 5.75\%) = 5.60\%$$

* ilustrasi pengiraan menggunakan kadar pengagihan pendapatan dan bonus ASB 2024

** kadar zakat berdasarkan taksiran tahun Masihi

Menurut Dato' Rick Ramli, "Kaedah ini bertujuan memudahkan pemegang unit beragama Islam untuk menunaikan kewajipan zakat secara tepat, cekap dan patuh Syariah di samping mengurangkan kerumitan pengiraan secara individu.

Berdasarkan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada 4 September 2025 telah mempersetujui kaedah zakat *al-Mustaghallat* secara *khultah*. Pelaksanaan kaedah ini dijangka bermula pertengahan tahun 2026 dan setakat ini, kelulusan telah diperolehi daripada Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan dan Kedah serta perbincangan diteruskan dengan negeri- negeri lain."

Di bawah cadangan ini, ASNB akan menguruskan pembayaran zakat bagi pihak pemegang unit dan menyalurkannya secara langsung kepada Pusat Zakat Negeri untuk diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan pihak berkuasa zakat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.asnb.com.my/zakat2.php>

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB

dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad